

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 3 / 9 / 2009

Jenazah kakak sulung Dr. Mahathir selamat dikebumi

ALOR SETAR 2 Sept. - Jenazah kakak sulung bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad iaitu Rafeah yang meninggal dunia malam tadi, selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Akar Peluru, di sini kira-kira pukul 11 pagi ini.

Sebelum itu, jenazah dibawa dari rumah anak saudaranya, Datin Yasmin Mashahor di Jalan Pegawai untuk disembahyangkan di Masjid Al-Ghufran di Akar Peluru.

Rafeah, 94, dimasukkan ke Pusat Perubatan Kedah (KMC), petang semalam selepas mengadu sukar bernafas, menghembus nafas terakhir kira-kira pukul 9.45 malam tadi.

Allahyarham yang merupakan anak sulung kepada sembilan beradik meninggalkan seorang anak serta empat cucu.

Turut kelihatan di kediaman Yasmin ialah Tun Dr. Mahathir, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali, Datuk Mukhriz Mahathir serta Datin Paduka Marina Mahathir.

Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak dan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kedah, Datuk Ahmad Bashah Md. Hanipah antara yang turut hadir untuk memberikan penghormatan terakhir.